

14/02/2003

Cameron Highlands terus jadi mangsa ketamakan

Zainudin Isa

ESOK, sebahagian pegawai kerajaan di Cameron Highlands tentu tidak senang duduk. Mereka mengiringi keberangkatan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, yang melawat destinasi peranginan tanah tinggi itu.

Kedinginan dan kabus di Cameron Highlands, bagi sesetengah mereka pagi esok, mungkin tidak lagi sesejuk atau senyaman hari biasa yang dilalui sebelum ini.

Khabarnya, Pegawai Daerah, Haron Abdul Kader diarah Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, sejak dua tiga hari lalu untuk membuat persiapan rapi, termasuk di tempat yang ditujui Sultan Pahang iaitu Blue Valley yang mencetus kontroversi minggu lalu.

Apapun, lawatan ini bukan lawatan biasa. Lawatan kali ini diumumkan Sultan Pahang sendiri bagi meninjau dan mendapatkan penerangan daripada Haron dan pemaju Blue Valley yang dilaporkan menarah kawasan berlereng berkenaan.

Dalam nada sinis, baginda mengungkap: "Dulu pun saya dah melawat... kali ini saya nak lihat sendiri kawasan itu. Saya minta DO (pegawai daerah) dan pemilik tanah dapat bersama saya nanti. Ini negeri saya, kalau tak ada lagi tanah tinggi, mana lagi saya nak pergi (bercuti)."

Malangnya, Cameron Highlands tidak seperti Bukit Fraser, Genting Highlands atau Bukit Tinggi jika dibuat perbandingan bagaimana kerakusan sesetengah pemaju menarah, menggondol dan meratakan bukit serta lereng dengan membelakangkan undang-undang.

Dalam kes terbaru, pemaju dan pemilik Blue Valley, Deng Seng Enterprise Sdn Bhd (Deng Seng), menggunakan mesin dan jentera berantai membersihkan kawasan berlereng untuk tanaman hidroponik.

Justeru, sesetengah mereka di Pahang yang muak dengan ketidakpekaan pihak berkuasa lantas menyindir: "Cameron Highlands sebenarnya dalam negeri mana, Pahang atau Perak?"

Sindirannya mungkin tajam dan ada benarnya. Kejadian menarah bukit, menggondol hutan, air sungai berwarna teh susu sehingga Cameron Highlands dianggap tidak sedingin dulu menjadi perkara biasa, termasuk kepada pelancong asing.

Mustahil dalam setiap saat pusat pentadbiran di Kuantan boleh memantau pembangunan di Cameron Highlands. Jadi, semua itu terletak pada kuasa pegawai peringkat daerah.

Bagi pelabur atau pemaju, mereka sememangnya mahu keuntungan daripada pelaburan mereka.

Tapi, dalam soal memelihara dan mengekalkan kawasan tanah tinggi, pemaju atau pelabur tidak semestinya lebih berkuasa daripada pemerintah.

Sedihnya, setiap kali kes sebegini tercetus, muncul 1,001 corak dan bentuk tindakan diumumkan pihak berkuasa sehingga satu tempoh ia beransur-ansur luput daripada ingatan.

Namun, sekali lagi ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diperlukan dalam isu ini. Sebagai insan berjiwa alam semula jadi, Dr Mahathir cukup sensitif dengan perbuatan mereka merosakkan rimba, pokok dan bukit.

Katanya, mereka tidak akan berhenti selagi tidak ada undang-undang yang boleh memenjarakan mereka.

Ini disusuli Adnan yang mengumumkan tindakan serta-merta kerajaan negeri membekukan semua projek pembangunan di Cameron Highlands sehingga pindaan dibuat dalam Akta Pemuliharaan Tanah 1960 oleh Kerajaan Pusat.

Namun, dalam menangani masalah ini, ketelusan pihak berkuasa amat dituntut kerana bukan saja pencinta alam yang sering mengeksploitasi isu ini, malah orang ramai.

Apa yang berlaku, Deng Seng dilaporkan mendakwa syarikat itu mendapatkan kelulusan permit daripada Pejabat Tanah daerah untuk membersihkan tanah berkenaan, dua bulan sebelum membawa jentera berat ke situ.

Jika benar, apakah butiran dalam permit itu sehingga mereka berani membawa jentolak dan lori tanah serta mengingkari dua arahan memberhentikan kerja pembersihan di kawasan itu?

Apapun, usaha mencari siapa bersalah dalam hal ini mungkin melalui episod yang panjang.

Iktibarnya, seperti kata Adnan: "Tiada alasan untuk kita melayan rayuan mereka kerana kita sudah mendapat pengajaran pahit. Kita sudah memberi peluang tetapi pemaaju merosakkannya."

Walau apapun, semua pihak pasti menunggu hasil laporan terperinci pejabat tanah daerah mengenai pembangunan di Cameron Highlands seperti diminta Adnan, Selasa lalu, untuk dibentangkan ke Kabinet.